

# DR M GESA POLITIK DIKURANGI

27 AUG 1981

KUALA LUMPUR, Rabu

— Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa parti politik komponen Barisan Nasional kurangkan berpolitik dan mengeneipkan segala sentimen perkauman demi kepentingan pembangunan negara.

Katanya, sebagai sebuah kerajaan, parti dalam Barisan Nasional seharusnya mengutamakan kepentingan negara dan segala sentimen perkauman yang kecil-kecil boleh diselesaikan secara mudah.

Berucap di majlis meraikan perantukan beliau sebagai Perdana Menteri anjuran MCA di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan:

"Selagi saya kekal sebagai Perdana Menteri, cuma satu saja yang saya harapkan iaitu kurangkanlah berpolitik antara kaum dan tumpukanlah sepenuh tenaga kepada pembangunan negara kita.

"Janganlah kita bertengkar kerana perbezaan yang sedikit sedangkan perkara itu boleh diselesaikan di majlis-majlis makan."

Perdana Menteri mengemukakan Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang unik di dunia kerana ia dibentuk sebelum pilihanraya atas dasar kerjasama antara kaum.

Kerjasama inilah, tambah beliau menjadi asas kepada pembangunan negara dan rakyatnya

yang berbilang bangsa.

"Sebagai sebuah parti yang bersifat berbilang bangsa, maka setiap kaum yang diwakili oleh parti mereka di dalam Barisan Nasional tidak akan merasa sebarang curiga.

"Kerjasama inilah yang menjadikan Barisan Nasional sebagai parti yang unik sedangkan di negara-negara lain kerajaan campuran diadakan selepas pilihanraya kerana tidak ada parti yang majoriti.

"Inilah yang hendak kita pelihara kerana ia teras pembangunan negara" ujarnya.

Menyentuh pertukaran pucuk pimpinan, Perdana Menteri memberi jaminan tidak akan berlaku sebarang perubahan yang radikal kerana kerajaan sekarang masih lagi Kerajaan Barisan Nasional.

Hakyat dan golongan pelabur tidak perlu bimbang dengan sebarang pertukaran pucuk pimpinan kerana ia tidak melibatkan sebarang perubahan dasar.

"Sebagai sebuah negara demokrasi, pilihanraya diadakan tetapi hanya sebuah parti saja yang akan memerintah iaitu Barisan Nasional.

"Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan segala dasarnya yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin yang lepas," tambah Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menyorot kembali pembentukan Perikatan pada tahun 1951 sebagai satu 'perkahwinan' yang berkekalan.

Katanya, Perikatan antara UMNO dan MCA yang kemudiannya disertai oleh MIC telah berlangsung hampir 31 tahun, melahirkan berbagai kejayaan.